

UPSI abadikan tragedi Gerik menerusi buku khas

Tanjong Malim, 16 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan buku khas bertajuk UPSI Berduka bagi merakam tragedi kemalangan bas yang meragut 15 nyawa pelajarnya di Gerik, Perak pada 9 Jun tahun lalu. Buku berkenaan dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir dalam satu majlis yang berlangsung di Bilik DiRaja, Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI. Menurut Zambry,

penerbitan buku tersebut bukan sekadar

mendokumentasikan satu tragedi yang menyayat hati, sebaliknya menjadi penghormatan kepada mangsa dan keluarga yang terkesan selain merakam semangat kebersamaan yang ditunjukkan pelbagai pihak ketika berdepan detik sukar itu. "Tragedi ini meninggalkan kesan mendalam kepada seluruh warga pendidikan tinggi negara. Penerbitan UPSI Berduka membolehkan pengalaman dan pengajaran daripada

peristiwa tersebut terus dipelihara sebagai rujukan kepada generasi akan datang.

"Lebih penting, buku ini mengangkat nilai kemanusiaan, solidariti dan keprihatinan yang dizahirkan masyarakat, agensi kerajaan serta institusi pendidikan dalam menghadapi satu ujian yang amat besar," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran tersebut. Buku itu menghimpunkan kronologi kejadian, pengalaman pelajar yang terselamat, luahan waris mangsa serta kisah pengorbanan sukarelawan, anggota penyelamat dan petugas barisan hadapan yang terlibat sejak hari pertama tragedi berlaku. Turut dimuatkan dalam naskhah tersebut ialah dokumentasi tujuh fasa pengurusan krisis yang dilaksanakan oleh UPSI bersama-sama pelbagai agensi dalam usaha mengurus kebajikan mangsa, waris dan komuniti yang terkesan.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, penerbitan UPSI Berduka merupakan usaha universiti memastikan tragedi yang pernah menguji ketabahan seluruh warga kampus itu terus diingat sebagai pengajaran bermakna. "Buku ini lahir daripada rasa tanggungjawab untuk merakam sejarah yang berlaku dalam keluarga besar UPSI. Ia bukan sekadar catatan tentang kehilangan, tetapi juga kisah kekuatan, pengorbanan dan kebersamaan yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak. "Kami berharap naskhah ini dapat menjadi sumber rujukan kepada masyarakat, khususnya dalam aspek pengurusan krisis, selain menjadi penghargaan yang berkekalan kepada mangsa, waris serta semua yang terlibat dalam usaha membantu ketika tragedi tersebut berlaku," katanya lagi. Pada 9 Jun tahun lalu, negara dikejutkan dengan kemalangan melibatkan sebuah bas yang membawa pelajar UPSI sehingga mengorbankan 15 penuntut dan mencederakan puluhan yang lain.

Tragedi itu disifatkan antara kemalangan paling menyayat hati dalam sejarah institusi pendidikan tinggi negara.

Majlis Peluncuran BUKU



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



7,171 pelajar sertai Karnival Kokurikulum UPSI 2026

Tanjong Malim, 20 Jun - Seramai 7,171 pelajar Ijazah Sarjana Muda daripada 53 kursus kokurikulum bercredit menyertai Karnival Kokurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2026 yang berlangsung di Padang Kawad, Kampus Sultan Azlan Shah di sini semalam.

Program tersebut dirasmikan oleh Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff dan dianjurkan bagi memperkukuh pembangunan sahsiah, kepimpinan serta kemahiran insaniah mahasiswa.

Menurut UPSI, karnival yang membawa tema “*Beyond Academics, Building Leaders*” itu bertujuan untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah mempunyai ciri kepimpinan serta kebolehan berinteraksi dengan masyarakat.

Pelbagai pengisian menarik diadakan sepanjang penganjuran karnival berkenaan termasuk demonstrasi penerjunan payung terjun oleh VAT 69 dan demonstrasi motosikal berkuasa tinggi daripada

Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Turut menjadi tarikan ialah persembahan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan, Pahang, selain penganjuran Klinik Kayak, Karnival Kadet Bomba, Program *Orienteering Challenge* dan *Klinik Skills Up: Master The Game*. Selain aktiviti berbentuk kemahiran dan rekreasi, karnival tersebut turut dimeriahkan dengan Kejohanan Hoki Campuran 9 Sebelah serta Kejohanan Bola Sepak Bawah 18 Tahun dan Bawah 12 Tahun.

UPSI memaklumkan pelbagai lagi aktiviti berteraskan pendidikan, kesukarelawanan, sukan dan rekreasi turut diadakan dengan penyertaan warga kampus serta masyarakat setempat.

Menurut universiti itu, penganjuran Karnival Kokurikulum UPSI 2026 mencerminkan komitmen institusi berkenaan dalam melahirkan graduan holistik, berdaya saing dan memiliki nilai kepimpinan yang tinggi menerusi penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum.

UPSI, INSTUN meterai MoU perkasa penggunaan dron dan teknologi geospasial

Tanjong Malim, 19 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh penggunaan teknologi dron serta pembangunan bidang geospasial dalam pengurusan kampus dan pembangunan modal insan negara.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata kerjasama strategik itu membolehkan universiti memanfaatkan kepakaran INSTUN dalam bidang ukur, pemetaan dan teknologi geospasial untuk memperluaskan penggunaan dron dalam pelbagai aspek

pengurusan kampus. Menurut beliau, penggunaan teknologi dron mampu meningkatkan kecekapan pemantauan kawasan kampus yang luas selain membantu mengurangkan kebergantungan kepada anggota keselamatan bagi melaksanakan tugas tertentu dengan lebih pantas dan berkesan.

“UPSI melihat penggunaan teknologi dron sebagai satu pendekatan yang mampu meningkatkan kecekapan pemantauan kampus selain membantu mengurangkan kebergantungan kepada anggota keselamatan bagi tugas tertentu.



UPSI Terajui Program Rintis PLKN 3.0 Di Universiti Awam

Tanjong Malim, 16 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mencipta sejarah apabila dipilih sebagai universiti awam pertama melaksanakan Program Rintis Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0. Pemilihan ini sekali gus menjadi penanda aras kepada pelaksanaan program tersebut di 19 universiti awam lain di seluruh negara bermula tahun 2027.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir berkata pelaksanaan PLKN 3.0 di universiti awam merupakan satu transformasi besar dalam dasar pembangunan belia negara yang mengangkat pendekatan lebih sistematik, berjangka panjang serta bersepadu dengan struktur pendidikan tinggi. “Pelaksanaan PLKN 3.0 di universiti awam bukan sekadar kesinambungan latihan di kem, sebaliknya merupakan peralihan kepada model berasaskan institusi pendidikan tinggi yang lebih tersusun dan relevan dengan keperluan semasa.

“Program rintis di UPSI ini menjadi platform penting untuk menguji kesesuaian modul latihan, penyesuaian dengan struktur akademik sedia ada serta menilai keberkesanannya sebelum diperluaskan ke seluruh universiti awam mulai tahun hadapan,” katanya ketika merasmikan Majlis Peluncuran Program

Rintis PLKN 3.0 Universiti Awam di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, hari ini. Beliau berkata program yang bermula di UPSI pada 9 Jun lalu dengan sokongan peruntukan kerajaan itu merupakan langkah strategik dalam usaha melahirkan generasi muda yang memiliki jati diri yang teguh, semangat patriotisme yang tinggi serta kualiti kepimpinan yang unggul.

Menurut beliau, kerajaan MADANI komited membentuk generasi yang bukan sahaja mempunyai ketahanan fizikal, malah kekuatan mental, kecerdasan emosi dan daya tahan tinggi dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks. “Peserta perlu terus mengekalkan semangat kesukarelawanan dan keprihatinan terhadap masyarakat, memanfaatkan ilmu, teknologi dan kreativiti untuk membina masa depan yang lebih baik serta menjadi ejen perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar belakang,” ujar beliau.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pemilihan universiti tersebut sebagai institusi perintis merupakan satu penghormatan besar serta manifestasi kepercayaan kerajaan terhadap keupayaan UPSI dalam menerajui agenda

pembangunan modal insan negara.

“UPSI menerima amanah ini dengan penuh tanggungjawab dan komited bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar serta berkesan. Keberkesanan program di bumi Muallim ini akan menjadi penanda aras penting sebelum diperluaskan ke 19 universiti awam lain bermula tahun 2027,” katanya. Beliau berkata seramai 1,005 pelajar baharu diploma ambilan Jun 2026 yang terdiri daripada 567 pelatih lelaki dan 438 pelatih perempuan telah dipilih menyertai program rintis berkenaan.

Menurutnya, pelatih akan mengikuti tiga modul utama iaitu Modul Ketenteraan sebanyak 40 peratus, Modul Kepimpinan 30 peratus dan Modul Kenegaraan 30 peratus. Modul-modul ini dilaksanakan secara bersepadu sepanjang minggu orientasi, semester pertama pengajian menerusi kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) serta semasa cuti semester.

“Bagi menyokong pelaksanaan program secara menyeluruh, UPSI juga sedang menaik taraf UPSI Adventure Park dan Glamping Park dengan pelbagai kemudahan baharu termasuk dewan serbaguna tertutup, bilik seminar, infrastruktur rekreasi luar dan tapak perkhemahan,” katanya.



Pengerusi majlis Peperiksaan Malaysia yang juga Naib Canselor UPSI umum keputusan STPM 2025



NNC-UPSI Perkukuh Pendidikan STEM melalui Program Pemindahan Ilmu Nanosains



Visiting Professor Programme 2026, Professor Emeritus Dr. Erik Knudsen



Kayuhan Scenic Test Ride kolaborasi hebat antara RHB Bank dan UPSI